



## JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN

### NOTIS TAWARAN SEBUT HARGA

1. Penyebut Harga yang berpengalaman / berkeupayaan dan berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dalam bidang berkenaan dan mempunyai Sijil Bertaraf Bumiputera dan mempunyai Lesen Kementerian Dalam Negeri (KDN) dipelawa untuk menyertai Sebut Harga bagi Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Tanpa Senjata di Jabatan Kehakiman Syariah Selangor seperti berikut :

Bil.	Tajuk Sebut Harga	Syarat Penyertaan	Tarikh Dan Masa Tutup
1.	Kawalan Keselamatan Tanpa Senjata di Mahkamah Rendah Syariah Petaling  No.Sebut harga :  <b>JAKESS/KK/MRS-06/2015</b>	Berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dan mempunyai Lesen Kementerian Dalam Negeri (KDN) bertaraf Bumiputera di Bawah Kod Bidang seperti berikut:-  <b>220801– Kawalan Keselamatan</b>  Tarikh Taklimat dan Lawatan Tapak : <b>20 Oktober 2015 (Selasa)</b> <b>jam ( 10.00 pagi )</b>  • Sila berkumpul di bangunan Mahkamah Rendah Syariah Petaling	Tarikh Sebut Harga Diiklankan:  <b>12 Oktober 2015 (Isnin)</b>  Tarikh Tutup Pembelian dan Penghantaran Sebut Harga:  <b>26 Oktober 2015 (Isnin)</b>  <b>Jam ( 12.00 Tengahari )</b>

2. Penyebut harga adalah tertakluk kepada Syarat dan Terma yang ditetapkan.
- Setiap Syarikat yang menyertai sebut harga ini **DIWAJIBKAN** untuk menghadiri Sesi Taklimat dan Lawatan Tapak pada tarikh yang telah ditetapkan.
3. Dokumen Tawaran yang telah disempurnakan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul yang berlakri dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di Jabatan Kehakiman Syariah Selangor sebelum jam **12.00 Tengahari** pada tarikh yang ditetapkan seperti di atas.
4. Jabatan Kehakiman Syariah Selangor tidak akan menerima mana-mana tawaran yang lewat dan tidak terikat untuk menerima mana-mana tawaran yang dikemukakan.

## KENYATAAN SEBUT HARGA

**KOD SEBUT HARGA : JAKESS/KK/MRS-06/2015**

Sebutharga adalah dipelawa kepada Pembekal/Syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dan mempunyai Lesen Kementerian Dalam Negeri (KDN), bertaraf Bumiputera di bawah **Kod Bidang 220801 – Kawalan Keselamatan** dibenarkan menyertai sebutharga berikut:-

### **KAWALAN KESELAMATAN TANPA SENJATA DI BANGUNAN MAHKAMAH RENDAH SYARIAH PETALING UNTUK TEMPOH DUA TAHUN**

Dokumen Sebut harga boleh diperolehi secara dalam talian melalui laman sesawang <http://tender.selangor.gov.my> dengan harga RM30.00 dan bayaran boleh dibuat secara dalam talian. Dokumen sebutharga boleh dimuat turun setelah syarikat menghadiri **Taklimat dan Lawatan Tapak Wajib** pada tarikh yang ditetapkan. Syarikat yang berminat menyertai tawaran ini adalah **DIWAJIBKAN** menghadiri **TAKLIMAT** dan **LAWATAN TAPAK** pada tarikh seperti berikut dengan membawa bersama **Cop Syarikat**. Syarikat hendaklah berdaftar dengan **UPEN** bagi membolehkan syarikat memuat turun dokumen sebutharga selepas **TAKLIMAT** dan **LAWATAN TAPAK**.

Tarikh : **20 Oktober 2015 ( Selasa )**  
Jam : **10.00 Pagi**  
Tempat : **Mahkamah Rendah Syariah Petaling  
Jalan Bintang U5/33, Seksyen U5, Subang Suria,  
40150 Shah Alam, Selangor**

#### **PERINGATAN :**

Syarikat yang gagal menghadiri taklimat dan lawatan tapak tidak layak membeli dokumen sebut harga tersebut.

**Sila lampirkan surat pendaftaran cukai GST syarikat jika syarikat mengenakan cukai GST di dalam dokumen sebutharga.**

Dokumen sebut harga yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar ke alamat seperti di bawah:

**Jabatan Kehakiman Syariah Selangor,  
Aras 1, Bangunan Mahkamah Syariah Sultan Idris Shah,  
Persiaran Masjid, Seksyen 5, 40000 Shah Alam, Selangor**

Tarikh Tutup Penghantaran : **26 Oktober 2015 ( Isnin )**, Jam : **12.00 tengahari**

Pihak kerajaan tidak akan bertanggungjawab ke atas **sebarang kelewatan** atau kehilangan mana-mana sebut harga yang dikemukakan melalui pos.

Sebarang pertanyaan berkaitan sebutharga bolehlah berhubung terus dengan pegawai berikut:

**En. Shazrul Izwan Bin Mukti**

**Tel: 03-55191291/55191294**